



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

”

RABU
13 Mei 2026



7 platform gig belum daftar pekerja kepada PERKESO

Ampang: Tujuh daripada 14 penyedia platform perkhidmatan gig belum melaksanakan proses pendaftaran maklumat pekerja masing-masing dan caruman automatik berkadar 1.25 peratus.

Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata setakat kelmarin tujuh platform penyedia perkhidmatan gig selesai melaksanakan proses pendaftaran.

“Ia meliputi Airasia Ride Sdn Bhd; Kiddocare; Eternal Meteor Sdn Bhd (GOGET); ShopeeFood Malaysia; Troopers Innovation Sdn Bhd; Fastgig Sdn Bhd dan Delivery Hero Malaysia (Foodpanda) Sdn Bhd,” katanya pada Program Ziarah Prihatin Ke Rumah Orang Berinsurans di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohammed Azman turut mempersoalkan mengapa tujuh lagi penyedia platform perkhidmatan gig ini belum memberikan maklumat pekerja mereka kepada PERKESO.



Akhbar	Harian Metro
Tarikh	13 Mei 2026
Ruang	Lokal
Muka Surat	16

Kuala Lumpur: Rakyat Malaysia akan menikmati cuti empat hari berturut-turut sempena cuti umum penghujung bulan ini.

Ia susulan pertembungan tarikh dua cuti umum yang jatuh secara berturutan iaitu Hari Wesak dan Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, masing-masing pada 31 Mei ini dan 1 Jun ini.

Kementerian Sumber Manusia dalam perkongsian di Facebook minggu lalu memaklumkan, jika Hari Wesak jatuh pada Ahad iaitu hari rehat, maka 2 Jun iaitu pada Selasa adalah cuti gantian.

Cuti panjang empat hari hujung bulan ini

“Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong (pada Isnin, 1 Jun) adalah cuti wajib bagi pekerja sektor swasta dan tidak boleh diganti.

“Bekerja pada cuti umum melayakkan pekerja menerima bayaran khas mengikut Akta Kerja 1955,” menurut perkongsian kementerian itu.

Kementerian itu turut mengingatkan semua majikan dan pekerja memahami hak masing-masing.

Minggu itu juga adalah

cuti pertengahan tahun bagi sesi persekolahan bermula 23 Mei ini hingga 7 Jun depan.

“Bekerja pada cuti umum melayakkan pekerja menerima bayaran khas mengikut Akta Kerja 1955”

Kementerian Sumber Manusia

7 penyedia platform perkhidmatan gig belum laksana daftar maklumat pekerja

Ampang: Sebanyak tujuh daripada 14 penyedia platform perkhidmatan gig belum melaksana proses pendaftaran maklumat pekerja dan caruman automatik berkadar 1.25 peratus.

Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, setakat kelmarin, hanya tujuh platform penyedia perkhidmatan gig selesai melaksanakan prosedur itu.

“Tujuh penyedia platform ini meliputi Airasia Ride Sdn Bhd, Kiddocare, Eternal Meteor Sdn Bhd (GOGET), ShopeeFood Malaysia, Troopers Innovation Sdn Bhd, Fastgig Sdn Bhd dan Delivery Hero Malaysia (Foodpanda) Sdn Bhd.

“Hanya Fastgig Sdn Bhd selesai melengkapkan kedua-dua proses, justeru pekerja gig yang berkhidmat menerusi platform mereka sudah mula melakukan caruman PERKESO secara automatik,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Ziarah Pr-



DR Mohammed Azman beramah mesra dengan ahli keluarga Jailani (dua dari kiri) selepas menyerahkan bantuan di rumahnya di Ampang. - Gambar NSTP/FATHIL ASRI

ihatin Ke Rumah Orang Berinsurans di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohammed Azman turut mempersoalkan mengapa tujuh lagi penyedia platform perkhidmatan gig ini belum memberikan maklumat pekerja mereka kepada PERKESO.

“Apa susah sangat? Apa alasan mereka? Kebajikan

pekerja tidak penting ke?” soalnya.

Menurutnya, tindakan tujuh penyedia platform perkhidmatan gig yang belum memberikan maklumat pekerja menyebabkan PERKESO sukar membantu mereka.

“Ia tidak adil kepada pekerja gig ini jika berlaku kemalangan atau kematian kerana kita tiada maklumat

dan kita tak dapat nak proses (bantuan diberikan),” katanya.

Dalam pada itu, Mohammed Azman berkata, pemandu e-hailing, Jailani Sapiih, 41, yang terbabit dalam kemalangan maut memabitkan warga Bangladesh di Lebuhraya

Maju Expressway (MEX) pada 23 April lalu layak menerima beberapa faedah PERKESO.